

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

ATW103 - UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. (a) A membuat tawaran kepada B seperti berikut:

Saya ingin menjual kereta Proton Saga saya pada harga RM25,000.00 (Ringgit dua puluh lima ribu sahaja). B bertanya kepada A "Bolehkah bayaran untuk kereta saudara dilakukan dalam 10 (sepuluh) ansuran? Tolong beritahu saya dengan segera. A tidak menjawab. Selepas 1 (satu) minggu B bertulis kepada A memberitahunya dia terima tawaran A pada harga RM25,000.00. A telahpun menjual kereta tersebut kepada C.

Sila nasihatkan B.

[15 markah]

- (b) Encik Gemarkucing telah mengiklankan seperti berikut:

Sesiapa yang dapat mencari dan mengembalikan kucing kesayangan saya bernama 'Hotshot' akan menerima saguhati sebanyak RM1,000.00 (Ringgit satu ribu sahaja). Encik Carikuat telahpun berjaya mencari kucing 'Hotshot' dan mengembalikannya kepada Encik Gemarkucing. Encik Gemarkucing enggan membayar RM1,000.00 seperti dijanji dengan alasan berikut:

- (i) tawaran itu tidak dituju kepada orang atau golongan tertentu.
- (ii) tidak diberi nilai oleh Encik Carikuat untuk menyokong kontrak itu, dan

...2/-

- (iii) tawaran itu terlalu kabur dan ianya tidak boleh menjadi asas kontrak kerana satu jangkamasa tidak ditetapkan.

Adakah anda setuju dengan alasan-alasan yang diberi oleh Encik Gemarkucing? Beri jawapan dengan merujuk kepada kes yang berkaitan.

[10 markah]

- 2 (a) A membuat satu tawaran untuk menjual mesin jahitnya berjenama Singer melalui surat kepada B pada 2 September 1996 memerlukan penerimaan melalui pos. Surat itu disalahtuju dan diterima lewat oleh B pada 5 September 1996. B telah pos surat penerimaan dengan serta merta dan surat itu sampai kepada A pada 9 September 1996. A telah menjual mesin jahit itu kepada seorang lagi pembeli pada 8 September 1996.

Apakah nasihat anda kepada B dari segi undang-undang kontrak?

[15 markah]

- (b) Namakan dan jelaskan tiga (3) keadaan di mana kebebasan untuk berkontrak adalah terhad kerana faktor-faktor yang mempengaruhi kontrak moden.

[10 markah]

3. A dan B adalah kawan baik. Pada satu hari semasa mereka berkelah, mereka tiba-tiba terdengar jeritan seorang meminta pertolongan. A dan B terus menolong orang itu daripada disamun. Orang itu kemudian berjanji akan membayar A dan B RM100.00 (Ringgit seratus sahaja). Orang itu kemudian enggan bayar wang seperti dijanji itu.

- (a) Apakah janji yang diberi oleh orang itu boleh dikuatkuasakan. Beri sebab-sebab untuk jawapan anda.

[10 markah]

- (b) Namakan dan jelaskan dua (2) kes yang berkaitan dengan konsep nilai terdahulu.

[15 markah]

...3/-

4. (a) Terangkan dengan jelas prinsip Janji Estoppel.

[10 markah]

- (b) Pak Miskin telah meminjam RM100.00 (Ringgit seratus sahaja) daripada Pak Kaya kerana Pak Kaya murah hati dia telah meminta Pak Miskin hanya membyar RM50.00 (Ringgit lima puluh sahaja). Setelah beberapa bulan kawan Pak Kaya memberitahunya bahawa Pak Miskin pada masa ini sudahpun menjadi kaya raya. Pak Kaya dengan serta merta berjumpa dengan Pak Miskin dan meminta dia membayar RM50.00 yang baki itu.

Adakah Pak Kaya akan berjaya menuntut RM50.00 itu? Jawab dengan merujuk kepada kes yang berkaitan.

[15 markah]

5. (a) Nyatakan dua (2) andaian yang digunakan oleh mahkamah untuk menentukan jika ada ataupun tidak niat untuk wujudkan hubungan undang-undang.

[7 markah]

- (b) Encik A telah berjanji untuk membayar isterinya B elaun bulanan sebanyak RM300.00 (Ringgit tiga ratus sahaja) sekiranya B menguruskan rumahtangga dengan cekap dan sempurna. Lima (5) bulan kemudian A dan B telah bercerai dan kini A telah berhenti bayar RM300.00 seperti dijanji itu. B ingin menuntut RM300.00 itu setiap bulan dari A.

- (i) Bolehkah B berjaya dalam tuntutananya?

[7 markah]

- (ii) Namakan dan jelaskan dua (2) kes yang boleh dirujuk untuk menyelesaikan tuntutan B.

[11 markah]

...4/-

6. Jelaskan dengan merujuk kepada kes yang berkaitan mana-mana dua (2) daripada konsep berikut:
- (a) pelaksanaan [12½ markah]
 - (b) persetujuan [12½ markah]
 - (c) mungkir fundamental dan anticipatory [12½ markah]
 - (d) kekecewaan [12½ markah]
7. (a) Bila kontrak dimungkiri, pihak yang tidak mungkir mempunyai beberapa remedi terhadap pihak yang memungkiri kontrak. Namakan dan jelaskan remedi berkenaan. [15 markah]
- (b) Nyatakan dan bincangkan fakta dan keputusan kes *Hadley v. Baxendale* (1854). [10 markah]

---ooo000ooo---